

agama



meja agama utusan malaysia



HANYA golongan tua dibenarkan beribadat di Masjidilqaesa.

Tahukah kita bahawa Palestin mungkin satu-satunya negara dalam era moden tidak mempunyai lapangan terbang, pelabuhan atau terminal untuk masuk ke negaranya. Semuanya harus melalui sempadan yang dikawal rapi Israel.



Hari ini terdapat lebih

5 juta
rakyat Palestin

berada di negara lain menjadi pelarian sementara ratusan ribu yang lain menjadi pelarian di tanah air sendiri.

Di Gaza keadaannya seolah-olah menanti detik mati lantaran sudah terputus hubungan dengan dunia luar sementara kemiskinan semakin menghimpit. Perang Gaza 2014 mengorbankan kira-kira

2,500
kanak-kanak

PENCABULAN hak asasi di Palestin termasuk dalam soal beribadat.



TEMBOK setebal lebih 1 meter dan tinggi mencecah 6 meter sepanjang lebih 700 kilometer dikawal rapi 24 jam oleh dron dan askar Israel.

Derita Palestin sampai ke mati...

Para nabi pun sanggup dianiayai, inikan pula rakyat biasa

PARA nabi dan rasul sudah merasai derita dan kesakitan akibat kerena Bani Israel. Nabi Yusuf a.s. hampir dibunuh sebelum dibuang ke dalam perigi, Nabi Yahya a.s. dan ayahnya Nabi Zakaria a.s. mati dibunuh, Nabi Musa a.s. dan saudaranya Nabi Harun a.s. dipermain-mainkan begitu juga Nabi Yushak a.s. yang berjaya membawa mereka kembali ke tanah air, Nabi Isa a.s. juga mahu dibunuh sebelum diselamatkan Allah dengan mengangkat baginda ke langit.

Bejitulah realitinya, rata-rata kebanyakan nabi dan rasul terdahulu sudah merasai kedegilan, kesombongan

ibrah

Oleh ABDULLAH ABDUL HAMID

dan kekejaman daripada kaum mereka sendiri iaitu Bani Israel.

Kesombongan dan kekejaman Bani Israel sebenarnya bukanlah perkara baharu lantaran ia sudah banyak kali disebut al-Quran antaranya, Surah al-Baqarah, Al-Maidah, Ash-Shaf, al-Araf, al-Israa' dan sebagainya.

“Telah dilaknat orang-orang kafir dari Bani Israel dengan lisan Daud dan

Isa putera Maryam. Yang demikian itu, disebabkan mereka derhaka dan selalu melampaui batas,” - al-Maidah 5:78

Bani Israel adalah kaum yang gemar berbuat kerosakan di muka bumi malah sehingga ke hari ini. Mereka pernah diberi peringatan, dihukum dan dibinasakan oleh Allah namun mereka tidak pernah serik malah bertambah sombong dan bongkak.

Hari ini kesombongan dan kekejaman mereka berterusan dengan rakyat Palestin menjadi mangsa dan korban. Sejak termeterai Perjanjian Balfour 1917 dan terdirinya negara Zionis Yahudi di atas tanah air Palestin pada 1948, apa sahaja kata-kata al-Quran tentang kaum ini



Wanita, kanak-kanak dan remaja menjadi mangsa paling ramai sama ada dicederakan, ditangkap, dimalukan, diseksa mahupun dibunuh sesuka hati mereka.

Lebih buruk apabila yang dibunuh mayatnya tidak dikembalikan atau dibuang sebagai makanan haiwan liar.



REMAJA Palestin yang ditangkap rejim haram Israel tidak akan dimaklumkan kepada ibu bapa mereka.

terbukti memang benar.

Dokumentari *Ayat Riwayat* menerusi hampir kesemua episodnya bermula daripada sejarah, dakwah dan perjuangan para nabi sampailah kepada episod Palestin dan kemenangan yang bakal dikecapinya tidak terlepas daripada menceritakan kisah sedih dan pilu yang berpuncanya daripada kekejaman Bani Israel.

Antara yang menceritakan penderitaan rakyat Palestin ialah *Balfour Bermulanya Duka, Bunga-Bunga Yang Gugur, Kubur Terapung, Kekayaan Yang Hilang, Misteri Negara Kanak-Kanak Palestin, al-Aqsa : Mulia dan Duka, Mutiara Palestin dan Baitulmaqdis Menangisi Salahuddin al-Ayyubi*.

Kesemua episod ini menyingkap bagaimana rakyat Palestin menghadapi kesukaran hidup sejak 1948 dalam semua aspek kehidupan seperti ekonomi, pendidikan, sosial dan sebagainya.

Neraka dunia

PENDERITAAN dialami rakyat Palestin sememangnya dahsyat dan berlaku 24 jam sehari. Sebagai contoh bagi sebuah keluarga Palestin, rumah yang didiami terdedah kepada pengusiran atau dimusnahkan pada bila-bila masa, tiada atau kekurangan bekalan asas seperti air dan elektrik malah jika ada, kualiti kemudahan yang disediakan penuh dengan elemen diskriminasi, seperti kadar tarif tinggi dan bekalan air yang kotor. Mereka juga dikenakan pelbagai jenis cukai yang tinggi lagi membebankan.

Selain rumah, kebun, ladang atau premis perniagaan juga terdedah kepada perampasan, gangguan dan tekanan setiap masa. Bagi ibu bapa yang mempunyai anak-anak remaja mereka terdedah kepada penculikan, pencabulan, pembunuhan, lantaran mereka adalah



PENIAGA dikenakan cukai yang tinggi dan gangguan berterusan daripada askar serta polis Israel.



PENULIS (tiga dari kanan) bersama krew *Ayat Riwayat* yang sedang bertugas di Palestin.

golongan paling kuat menentang penjajahan.

Masalah lain yang mencengkam ialah kos sara hidup yang tinggi, pengangguran, kemiskinan dan kekurangan kemudahan kesihatan seperti hospital, klinik dan rawatan sementara kemudahan awam lain seperti jalan raya, perhentian bas, pusat rekreasi dan sebagainya berada dalam keadaan serba daif akibat dasar diskriminasi Israel.

Setiap hari dalam kehidupan mereka pula terpaksa menempuh ratusan pusat pemeriksaan (*check point*) yang dibina di mana-mana sahaja dalam kawasan Palestin dan pembinaan tembok pemisah sepanjang lebih 700 kilometer yang menjadikan rakyat Palestin seperti hidup terpenjara dalam penjara paling kejam di dunia selepas runtuhan Tembok Berlin dan sistem apartheid.

Kewujudan pusat pemeriksaan dan tembok pemisah menyebabkan rakyat Palestin terpaksa menghabiskan masa berjam-jam menunggu dan perjalanan yang pendek untuk ke sekolah, pasar, kedai, tempat kerja, rumah saudara-mara dan sebagainya.

Dalam bidang pendidikan pula, sekolah dan universiti menjadi sasaran dibom, institusi yang ada berada dalam keadaan daif, kekurangan dana dan kemudahan, penuntut dan tenaga kerjanya pula sering menjadi mangsa kekejaman Israel. Kebanyakan pelajar Palestin menganggur,

berada di luar negara tidak dibenarkan pulang ataupun ditangkap dan dipenjara.

Bertambah dahsyat lagi apabila diskriminasi dan kekejaman turut terjelma dalam aspek ibadat apabila umat Islam dilarang beribadat terutama di Masjidilqaşa yang merupakan tempat ketiga paling suci dalam Islam. Situasi yang sama sedang berlaku di Masjid Ibrahimi di Hebron yang direbut Yahudi. Sekatan dibuat ke atas remaja daripada memasuki al-Aqsa, malah rakyat Palestin di luar Baitulmaqdis tidak dibenarkan beribadat di dalamnya.

Tiada istilah lebih dahsyat untuk menggambarkan tahap kesombongan mereka apabila Israel mula membekalkan dan melatih setiap rakyatnya untuk menggunakan senjata api dalam kehidupan sehari-hari mereka seolah-olah lesen untuk membunuh rakyat Palestin yang tidak mempunyai sebarang senjata selain batu.

Ramai ahli sarjana berkongsi kajian dan pandangan mereka di dalam episod-episod ini antaranya Profesor Asem Shehadeh Saleh Ali dari Palestin; Profesor El-Fateh Abdullah Abdelsalam dari Sudan; Datuk Bandar Jerusalem, Adnan Husseini; dan Ketua Pegawai Eksekutif, Yayasan Al-Quds Malaysia, Dr. Sharif Amin.

Jangan ketinggalan untuk menyaksikan *Ayat Riwayat* pukul 5.30 petang setiap hari sepanjang Ramadan di TV AlHijrah.

Umat Islam kena bangkit daripada 'lena'

peristiwa

Oleh ABD RAZAK OSMAN

LEBIH 1,000 orang menghadiri Program Sungai Petani Munajat 2016 anjuran UMNO Bahagian Sungai Petani di Masjid Muhibbudin Sungai Pasir, Sungai Petani, Kedah, baru-baru ini.

Pelbagai pengisian bermanfaat dikongsikan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Asyraf Wajdi Dusuki dalam ceramah yang disampaikan olehnya.

Ketua UMNO Bahagian Sungai Petani, **Datuk Abdul Rahim Saad** berkata, antara yang ditegaskan oleh penceramah mengenai pentingnya umat Islam menjadikan Ramadan sebagai titik permulaan untuk berubah ke arah lebih baik.

"Sudah sampai masanya umat Islam bangkit daripada 'tidur'

kerana apabila kita berada dalam situasi lemah, pihak lain bakal memperoleh keuntungan, Asyraf juga meminta umat Islam supaya tidak menjadikan Ramadan sebagai pesta juadah, sekali gus mengamalkan perbuatan syaitan iaitu membazir," katanya.

Turut hadir, Timbalan Ketua UMNO Bahagian Sungai Petani, Senator Shahanim Mohd. Yusoff; Ketua Wanita UMNO Bahagian, Wan Mohalina Wan Mohamad dan Imam Masjid Muhibbuddin, Ali Ahmad.



ASYRAF WAJDI DUSUKI (tiga dari kanan) bergambar kenangan dengan jawatankuasa pengjur Program Sungai Petani Munajat 2016 di Masjid Muhibbuddin Sungai Pasir, Sungai Petani, Kedah, baru-baru ini.